



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
KENYATAAN MEDIA
ELAUN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI

Merujuk kepada kenyataan yang dikeluarkan oleh Persekutuan Majikan Malaysia menyatakan 'Elaun mandatori untuk pelajar latihan industri akan menghalang majikan sektor swasta daripada menawarkan penempatan latihan'. Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh ingin menekankan bahawa kenyataan yang disampaikan pada 16 Feb 2023 itu adalah untuk menggalakkan sektor swasta mencontohi langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan berkaitan latihan amali bergaji dan tidak ada rancangan untuk mewajibkannya pada masa ini, terutamanya kerana syarikat masih melalui pemulihan pasca Covid-19. Beliau seterusnya menyatakan bahawa perkara itu akan dibawa ke Kabinet di mana kebaikan dan keburukan akan dibincangkan.

Beliau berkata demikian semasa sidang media di Parlimen bagi tujuan membalas soalan yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen Muar YB Syed Saddiq Syed Abdul Rahman yang menggesa kerajaan untuk menguatkuasakan program *internship* berbayar dalam sektor swasta seperti sektor Kerajaan.

YB Menteri Belia dan Sukan menjawab dengan berkata "dasar sedia ada Kerajaan tidak mewajibkan mana-mana syarikat swasta membayar elaun kepada pelajar di dalam program latihan industri". Walaubagaimanapun, Kerajaan amat menggalakkan agar syarikat swasta mencontohi sektor kerajaan untuk turut melaksanakan pembayaran elaun kepada para pelajar yang sedang menjalani latihan industri."

Beliau juga turut menyatakan bahawa pertimbangan untuk menguatkuasakan pemberian elaun latihan industri oleh pihak swasta perlu diteliti dari pelbagai aspek.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
18 FEBRUARI 2023